

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

SOALAN NO. 414

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik jenis-jenis perumahan yang tidak terjual disebabkan bekalan lebih dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil sebelum pembinaan bermula untuk mencapai permintaan yang dijangkakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Maklumat Hartanah Siap Dibina Tidak Terjual Suku Kedua Tahun 2019 yang diterbitkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), terdapat sebanyak 32,810 unit rumah siap dibina tidak terjual daripada 124,124 unit rumah yang dilancarkan. Statistik jenis rumah terperinci adalah sebagaimana jadual berikut:

**Unit Rumah Siap Dibina Tidak Terjual Mengikut Jenis Rumah
(Suku Kedua Tahun 2019)**

JENIS RUMAH	UNIT DILANCARKAN	UNIT TIDAK TERJUAL		NILAI TIDAK TERJUAL (RM JUTA)
		BIL.	%	
Teres Setingkat	8,717	2,009	23.0	409.40

NO SOALAN : 414

Teres 2-3 Tingkat	32,769	10,028	30.6	5,083.09
Berkembar Setingkat	2,218	777	35.0	256.16
Berkembar 2-3 Tingkat	6,277	2,516	40.0	2,832.53
Sesebuah	2,383	795	33.3	1,781.82
Rumah Bandar	2,693	667	24.7	563.03
Berkelompok	2,505	531	21.1	448.73
Rumah Kos Rendah	793	273	34.4	10.81
Flat Kos Rendah	1,451	379	26.1	17.00
Rumah Pangsa	3,662	814	22.2	77.61
Kondiminium / Pangsapuri	60,656	14,021	23.1	8,280.21
JUMLAH	124,124	32,810	26.4	19,760.38

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC),2019

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi memastikan tiada lambakan rumah tidak terjual pada masa akan datang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang dalam melaksanakan Kajian Analitis Data Raya Perumahan yang bertujuan mendapatkan gambaran sebenar mengenai pengurusan perumahan di Malaysia. Kajian ini akan dijadikan sebagai input bagi pembangunan platform pusat pengumpulan data hartanah yang meliputi permintaan dan penawaran untuk membantu pembuat keputusan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta menyediakan dasar dan perancangan perumahan negara yang lebih komprehensif seterusnya memastikan perancangan pembinaan rumah mampu milik memenuhi permintaan yang diperlukan mengikut lokasi.

3. Sebelum sesuatu pemajuan dibangunkan atau dilancarkan, pihak pemaju akan melaksanakan inisiatif *due diligence* seperti kajian pasaran dan permintaan pembeli untuk memastikan jenis, jumlah dan harga jualan bagi pemajuan yang bakal dilaksanakan adalah bagi memenuhi keperluan pasaran dan *marketability* sesuatu projek. Namun begitu, keperluan untuk memastikan pemaju melaksanakan *due diligence* adalah bukan suatu pra-syarat untuk mempertimbangkan kelulusan permohonan Lesen Pemaju Perumahan dan Permit Iklan & Jualan oleh Pengawal Perumahan.

Sekian, terima kasih.